

## **Peranan IKS di dalam Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Peranan industri kecil dan sederhana (IKS) amat penting di dalam sesebuah ekonomi dari sudut sumbangan terhadap keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan juga penyediaan peluang pekerjaan. Secara purata lebih kurang separuh dari KDNK negara-negara maju disumbangkan oleh IKS, berbanding cuma kurang dari seperempat untuk negara berpendapatan rendah. Manakala sumbangan terhadap pekerjaan adalah lebih tinggi untuk negara berpendapatan rendah iaitu melebihi tiga perempat berbanding dengan dua pertiga untuk negara-negara maju.

Di Malaysia sumbangan IKS terhadap KDNK terus meningkat dari 29 peratus pada tahun 2004 kepada melebihi 30 peratus untuk masa kini dan dijangka mencecah 41 peratus pada tahun 2020. Sumbangan terhadap pekerjaan dijangka meningkat dari paras di bawah 60 peratus kini kepada 62 peratus menjelang 2020. Manakala sumbangan terhadap eksport dijangka mencecah 25 peratus pada tahun 2020.

Kalau kita lihat arah aliran negara maju, jelas sektor IKS mempunyai produktiviti yang tinggi. Peratusan sumbangan IKS terhadap KDNK adalah lebih tinggi daripada peratusan sumbangan terhadap pekerjaan untuk negara-negara maju. Keadaan sebaliknya berlaku untuk negara-negara berpendapatan rendah.

Maklumat ini amat penting untuk kita pelajari. Sektor IKS mempunyai produktiviti yang tinggi berkaitan dengan pengurusan perniagaan yang lebih cekap. Pemilik IKS mampu mengawal dan menyelia perniagaan mereka dengan lebih baik, antara lain, kerana

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

sikap kebertanggungjawapan yang lebih tinggi berbanding dengan pengurusan profesional.

Justeru, penceburan individu di dalam penubuhan IKS bukan sahaja mampu mengeluarkan diri mereka dari pergantungan terhadap alternatif makan gaji sebagai punca rezeki, tetapi yang lebih penting sumbangannya terhadap ekonomi adalah amat besar. Sudah tentu hasil dari kemajuan ekonomi yang lebih tinggi akan berbalik kepada peluang perniagaan yang lebih baik. Atas alasan ini, arah aliran negara maju menunjukkan peratusan yang tinggi dicatatkan untuk peningkatan IKS kepada syarikat konglomerat yang lebih besar. Dengan kata lain, banyak syarikat-syarikat konglomerat besar adalah berasal dari IKS.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah menubuhkan *Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)* untuk megalakan pembangunan IKS melalui penyediaan khidmat nasihat, infrastruktur, capaian pasaran, dan khidmat bantuan kewangan. Disamping itu penubuhan SME Bank juga bertujuan untuk menjana pembangunan IKS di dalam negara melalui penyediaan pinjaman lunak.

Pada peringkat individu apakah pengajaran yang perlu di ambil dan apa yang perlu dibuat? Pengajaran terpenting adalah dari sudut penyediaan peluang ekonomi, atau lebih tepat lagi peluang pekerjaan juga terletak ditangan individu. Anjakan pemikiran perlu diterapkan daripada 'mendapat pendidikan tinggi untuk mendapat pekerjaan yang baik' kepada 'berpendidikan tinggi untuk bekerja sendiri'. Oleh itu, bekerja sendiri bukan semata-mata sebagai pilihan kedua kerana tiada pekerjaan tetapi sebagai pilihan utama. Malahan yang lebih penting pilihan ini mampu membantu negara untuk berkembang dengan lebih cepat.

Selari dengan hasrat ini, sistem pelajaran sekarang juga menekankan kepada skil yang lebih praktikal. Para pelajar diajar dengan ilmu yang boleh diamalkan di samping penerapan pengetahuan. Penggubalan hasil pembelajaran mengambil kira kesemua faktor tersebut. Tidak ketinggalan pelajar-pelajar juga diterapkan dengan pembentukan keusahwanan. Dalam pada itu, sistem pelajaran tinggi juga mempunyai tempat untuk pembelajaran berterusan untuk golongan yang lebih berumur untuk meningkatkan kepakaran mereka di dalam bidang-bidang tertentu.

Namun persoalan yang mungkin bermain di benak kebanyakan potensi usahawan adalah bagaimana untuk mencipta IKS. Terdapat beberapa garis panduan yang boleh diguna pakai. Pertama, penumpuan terhadap industri hiliran untuk sektor yang kita mempunyai kelebihan bandingan. Contohnya sektor pertanian, dimana tanpa pembangunan industri hiliran penumpuan cuma terhadap pengeluaran komoditi.

Pembangunan industri hiliran mampu meningkatkan nilai tambah hasil-hasil pertanian berbanding di dalam bentuk komoditi. Produk-produk pertanian bukan sahaja mampu diproses menjadi produk terbitan seperti makanan yang di proses untuk mendapat nilai tambah yang tinggi, malahan pembukusan yang lebih kreatif terhadap komoditi pertanian juga mampu memainkan peranan tersebut. Malahan terdapat komoditi pertanian dari Malaysia yang di import dan di bungkus semula oleh Singapura seterusnya dieksport dengan harga yang lebih mahal. Keuntungan yang diperolehi oleh pengeksport Singapura adalah melebihi apa yang diperolehi oleh pengeluar kita, bermakna nilai tambah yang lebih tinggi. Menyedari hakikat dimana komoditi pertanian mampu menjana nilai tambah yang lebih tinggi melalui industri hiliran, Kementerian Pertanian telah di namakan semula sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Garis panduan kedua untuk mencipta IKS adalah dengan mengambil kira faktor rantaian nilai global (*global value chain*). Melalui konsep ini, pengeluaran menjadi lebih cekap dengan menggunakan sumber-sumber input perantaraan yang di import dari negara-negara yang mempunyai kelebihan bandingan. Justeru, bakal usahawan perlu memahami struktur rantaian nilai global untuk pengeluaran produk tertentu, dan seterusnya mengenal pasti input perantaraan yang kita mempunyai kelebihan bandingan, samaada melalui kos pengeluaran yang rendah secara semula jadi atau pemilikan teknologi yang lebih baik.